

Kerajaan 'Pas-Bebas' tamatkan krisis T'ganu

S.H 24/02/08 NLS 15

■ DR AISAR YEE ABDULLAH

AHMAD Said boleh dikenakan tindakan disiplin. Itu adalah tajuk akhbar Mingguan Malaysia semalam memetik kata-kata Setiausaha Agung UMNO, Tengku Adnan Mansor. Pegawai tinggi parti UMNO itu memberi amaran bahawa ADUN Kijal, boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh parti UMNO jika menerima jawatan tersebut.

Persoalan 'jika' sudah tidak timbul lagi kerana Ahmad Said telah pun menerima watakah pelantikan dari Istana Terengganu dan hanya menunggu saat untuk melakukan upacara mengangkat sumpah.

Tengku Adnan menghujah bahawa pelantikan Ahmad yang dipilih istana itu jelas mengingkari arahan Presiden UMNO, Abdullah Ahmad Badawi yang mahukan Idris Jusoh sebagai Menteri Besar. Bagi Tengku Adnan, prosedur pelantikan Ahmad berbeza dengan yang terjadi di Perlis. Padanya, mantan Menteri Besar Perlis, Shahidan Kassim tidak mendapat sokongan majoriti ADUN sedangkan pelantikan Ahmad mendapat bantahan semua anggota Dewan daripada partinya, BN. Ahmad langsung tidak mendapat pengiktirafan kawan-kawannya.

annya disahihkan kemudian.

Penulis akan cuba menghalusi kenyataan Setiausaha Agung UMNO yang baru ini. Kenyataan ini pada hemat penulis tidak sehaluan dengan reaksi yang patut diberikan mengenai kejadian-kejadian sebelum ini. Kejadian yang berlaku di Perlis contohnya melihat parti UMNO membiarkan kebanyakan ADUN di sana mengingkari perintah presiden parti yang mahukan Shahidan dilantik sebagai MB. Setiausaha Agung UMNO ketika itu, bertindak mendiamkan diri seolah-olah membenarkan arahan Presiden parti dicabul. Tiada tindakan atau ugutan untuk mengambil tindakan tatatertib dibuat oleh beliau terhadap ADUN yang ingkar.

Tentunya, Shahidan berhak bertanya, sebagai anggota UMNO dan BN, bolehkah ADUN-ADUNnya tidak akur kepada keputusan presiden parti. Bukankah menyayangi parti, negara dan bangsa melebihi kepentingan peribadi tanpa mengira etnik kita. Barangkali kerana Setiausaha Agung UMNO ketika itu dan Shahidan Kassim bertelagah, prinsip itu boleh diketepikan.

Penulis juga melihat tindakan Setiausaha Agung UMNO yang baru ini juga tidak selaras dengan komen yang dibuat pemimpin-pemimpin lain parti BN berutamaan UMNO

peluang.

Tentunya penulis akan ditanya, tidakkah apa yang berlaku di Perlis itu berbeza sama sekali dengan kejadian di Terengganu. Penulis bersetuju bahawa kalau dilihat di permukaan, itulah kenyataan. Penulis amat bersetuju kalau ia dilihat dari sudut itu. Tetapi sudut lain jadi tumpuan penulis.

Namun, mengamati politik bukanlah hanya berdasarkan fakta yang ada semata-mata. Politik adalah seni segala kemungkinan. Tidakkah mungkin ada di antara 22 orang yang menyatakan sokongan kepada Idris untuk terus menjadi Menteri Besar itu akan mengubah pendirian mereka? Biasanya taat setia kepada seseorang pemimpin itu adalah sesuatu yang amat rapuh. Orang politik mudah tergoda. Pernah dikata orang politik rosak kerana tiga 'ta', iaitu takhta, wanita dan harta. Apakah ini akan menggoncang iman orang politik. Benarkah?

Penulis melihat tindakan istana adalah amat strategik. Langkah pertama ialah memberi watakah pengisytiharan dulu. Lepas itu biarkan Menteri Besar itu mengemukakan barisan Exconya. Melantik Menteri Besar dulu adalah perkara biasa. Kita lihat Perak dan Selangor melantik Menteri Besar mereka dulu. Seminggu kemudian barulah anggota Exco

orang sahaja. Ia bukan lagi majoriti. Kekuatan dua kelompok ini sama dan istana didapati lebih yakin kepada kekuatan dan kemampuan kelompok Ahmad.

Dalam keadaan begitu, kumpulan Ahmad sudah tentu berjaya membentuk sebuah kerajaan, hanya kekuatannya sahaja belum dapat dipastikan. Urusan biasa sudah dapat berjalan.

Kelangsungan kerajaan ini akan hanya teruji apabila Dewan bersidang dan Bil atau Rang Undang-Undang hendak dibahaskan dan diluluskan. Di sini pendirian para penyokong Idris penting. Jika kelompok ini mengambil keputusan untuk menolak Rang Undang-Undang ini dan jika tindakan ini disokong pula oleh ADUN Pas seramai 8 orang itu, kelulusan Bill akan tertolak dan boleh menyebabkan satu undi tidak percaya kepada kerajaan boleh diluluskan. Peranan ADUN Pas akan menjadi paling penting.

Kemungkinan senario yang terjadi juga perlu mengambil kira akan tindakan UMNO terhadap mereka yang enggan patuh akan arahnya. Kalau UMNO mengambil keputusan untuk memecat kesemua mereka yang tidak patuh kepada arahan Presiden, maka barisan Exco itu akan dengan sendirinya menjadi ADUN bebas.

Hanya tiga orang ADUN menyokong untuk Shahidan dilantik sebagai MB Perlis dan sepuluh orang menyokong Mohd Isa Sabu. Itulah sanggahan beliau. Oleh itu jika Ahmad berdegil mempertahankan pendiriannya menerima jawatan ini tindakan tatatertib akan dikenakan terhadapnya. Sebagai anggota parti, ADUN Kijal itu perlu tahu apakah akibat yang bakal diterimanya jika melanggar keputusan presiden.

Semalam, pada jam 8.28 pagi, bertempat di Istana Terengganu, Kuala Terengganu, Ahmad Said menerima watakah pengisytiharan pelantikan sebagai Menteri Besar. Tarikh upacara mengangkat sumpah belum ditentukan lagi dan ini diduga akan dilakukan kemudian kelak apabila Ahmad berjaya mendapatkan ADUN-ADUN untuk bersamanya membentuk kerajaan.

Pengumuman semalam oleh Rosul Wahid bahawa Ahmad dipecat kerana mengingkari arahan agar tidak menghadiri majlis penyerahan watakah pengisytiharan tidak diambil kira kerana pemecatan keanggotaan tidak dilakukan oleh bahagian atau perhubungan negeri. Anggota UMNO hanya boleh dipecat setelah Lembaga Disiplin bersidang selepas mengambil kira cadangan daripada Perhubungan Negeri. Maka pengamatan penulis berdasarkan Ahmad Said masih lagi menganggotai UMNO sehinggalah pemecat-

bermimpi lain parti BN terutamanya ADUN beberapa hari sebelum ini yang menuduh pemimpin pembangkang macam-macam termasuklah 'biadap' apabila mereka (pembangkang) menyatakan musykil dengan titah Pemangku Raja Perak yang mahu menggunakan kuasanya memilih MB. Pemangku Raja Perak enggan menerima permintaan DAP untuk anggota partinya dilantik sebagai MB sungguhpun parti itu berupa parti yang menjadi majoriti dalam Dewan Negeri.

Pada suatu ketika, pemimpin-pemimpin UMNO menyokong pendirian bahawa Raja atau Sultan berkuasa melantik sesiapa yang dia percaya boleh menjalankan tugas Menteri Besar dengan baik, pada masa yang lain suara-suara dari parti yang sama mempertikaikan kuasa itu apabila kepentingan mereka pula yang terlibat.

Pokoknya, kita tidak tahu apakah seperti juga Raja Perlis yang tahu bahawa baginda terpaksa menolak surat watakah yang diberikan kepada Shahidan Kassim dengan alasan mantan MB itu pasti akan gagal mendapatkan sokongan majoriti ADUN. Pendirian baginda nyata tepat apabila hanya tiga orang ADUN menyokong Shahidan mengekalkan jawatan Menteri Besar Perlis. Mungkin baginda Sultan Terengganu juga yakin bahawa akhirnya ADUN-ADUN akan beralih menyokong Ahmad jika Ahmad diberi

Seminggu kemudian barulah anggota Exco pula dilantik. Banyak rundingan hendak dilakukan. Di Perak dan Selangor, DAP, Pas dan PKR berunding berkali-kali sebelum barisan Exco dimuktamadkan.

Di Terengganu pun begitulah nampaknya. Hari ini seorang pun tidak dapat lantik sebagai anggota Exco. Ahmad Said tidak ada penyokong langsung berupa ADUN. Esok lusa bagaimana? Kalau ADUN dikurung, berapa lama ia mampu dibuat begitu?

Apakah tidak ada orang akan terpesona dengan takhta dan harta sungguhpun dalam konteks masyarakat agak konservatif Terengganu, 'wanita' tidak dijadikan umpan. Dua 'ta' ini dijangka boleh menghancurkan keimanan beberapa orang dari kalangan ADU itu. Jawatan-jawatan Exco dan speaker akan dijadikan umpan. Para ADUN tersebut tentulah boleh mengagak kalau Idris adalah Menteri Besarnya, tentu orang ini dan itu akan menjadi Exco dan yang lain tidak. Sasaran Ahmad pastinya orang yang tidak akan dilantik oleh Idris.

Terdapat sebanyak 10 jawatan Exco dan satu jawatan speaker yang membawa maksud kesemuanya sebelas jawatan. Perpaduan di kalangan penyokong Idris akan terlerai apabila sebelas orang ditarik melalui umpan dua 'ta' ini. Jika ini berjaya dilakukan kumpulan penyokong Idris akan hanya tinggal sebelas

menjadi ADUN bebas.

Suasana begini pastinya akan menguntungkan Pas kerana dengan 8 orang ADUN, parti itu boleh membentuk satu kerajaan campuran bersama ADUN bebas tadi. Apa yang terjadi di Perak akan berulang. Sungguhpun mempunyai hanya seramai 6 orang ADUN tetapi, keadaan telah meletakkan PAS berjaya meletakkan orangnya menjadi Menteri Besar di sana. Di Terengganu barangkali, jawatan Menteri Besar akan kekal berada di tangan Ahmad memandangkan dia mengawal 11 orang ADUN (10 orang penyandang Exco) dan satu jawatan speaker.

Dalam keadaan begitu, satu kerjasama Pas-Bebas membentuk sebuah kerajaan di Terengganu akan menyelesaikan kemelut yang terjadi bagi menghindarkan satu lagi pilihan raya diadakan di Terengganu dalam masa yang singkat ini.

Kalau UMNO tidak mengambil apa-apa tindakan dan membiarkan seperti apa yang telah disaksikan berlaku di Perlis, tanggapan atau persepsi ialah pucuk pimpinan UMNO akan dilihat sebagai lemah dan akan membuka ruang kepada banyak lagi pihak untuk memandang sepi akan arahan parti dan amaran yang dikeluarkan oleh Tengku Adnan semalam akan hanya jadi bahan cemuhan sahaja. Ini akan meletak UMNO dan BN dalam kacau bilau.